

'Wanita besi' gelaran untuk Aishah Ghani




Malaysiaku Gemilang

SATUPERJALANAN

BIARPUN telah mencecah usia 83 tahun, bekas Ketua Pergerakan Wanita selama 12 tahun ini (1972-1984) menyifatkan faktor usia bukanlah penghalang baginya untuk mencurahkan tenaga dan buah fikiran kepada Pergerakan Wanita khususnya dan UMNO amnya.

Beliau pernah mendapat gelaran 'wanita besi' dan antara pemimpin wanita yang menyertai UMNO sejak ia ditubuhkan pada tahun 1946 lagi. Bukan setakat di bidang politik sahaja, wanita aktif ini juga merupakan juruhebah Melayu pertama di Radio Malaya pada tahun 1946 hingga 1948. Bercapaian menengah dari Sekolah Diniyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia pada 1936, beliau seterusnya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Perguruan Tinggi Islam, Padang, Indonesia pada 1940.

Minat beliau pada bidang penulisan menyebabkan beliau menyambung pelajaran di bidang kewartawanan di Regent Street Polytechnic College, London dari tahun 1955 hingga 1958. Pernah menjadi wartawan di beberapa akhbar tempatan seperti Berita Harian dan Pelita Malaya dari tahun 1945 hingga 1965.



MENUNGGU keputusan pilihan raya... Dari kiri: Aishah Ghani, Tunku Abdul Rahman dan Tan Sri Syed Nasir.

Wanita kelahiran Kampung Sungai Serai, Hulu Selangor ini telah mendirikan rumah tangga dengan Abdul Aziz Abu Hassan dan dikurniakan empat orang cahaya mata.

Bakatnya dalam penulisan memang tidak perlu disangkal lagi, pada tahun 1992, beliau turut menghasilkan sebuah buku bertajuk *Memoir Seorang Pejuang*.

Cukuplah disimpulkan di sini bahawa wanita ini amat hebat. Hebat dalam pencapaian hidupnya, bidang kerjaya serta politik. Khidmat baktinya terhadap masyarakat dan wanita khususnya tidak akan terhitung walau dibariskan dalam senaskah buku.

Atas kepercayaan serta keyakinan tinggi terhadap beliau, pada tahun 1992 beliau telah mewakili negara ke Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Khidmat bakti sukarelanya juga dibuktikan apabila beliau menyandang jawatan sebagai Panel Penasihat Persatuan Palang Merah Malaysia pada 1994.

Beliau yang memulakan politik pada tahun 1945 juga pernah menyandang beberapa jawatan penting dalam dunia korporat. Antaranya menjadi Pengarah di Metrojaya Berhad, MUI Finance Berhad dan enam lagi jawatan sebagai pengerusi.

UM-3/8/2007



AISHAH GHANI